

400,000 hektar ladang jagung disediakan

Kurangkan import makanan ternakan

Oleh **AZIZI MAJID**

pengarang@utusan.com.my

■ **JOHOR BAHRU 4 MAC**

KERAJAAN akan mengurangkan kebergantungan import makanan ternakan dari Amerika Syarikat, Brazil dan Argentina pada masa depan dengan membuka ladang jagung seluas 400,000 hektar untuk menampung keperluan itu.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, kawasan seluas itu mampu menjana pengeluaran jagung kira-kira tiga juta tan metrik setahun yang diperlukan ternakan dalam negara buat masa ini.

"Setakat ini terdapat kira-kira

50 buah kilang makanan ternakan di negara ini dengan pengeluaran sebanyak 380 tan metrik tan sebulan dan kapasiti tersebut masih tidak cukup untuk menampung keperluan masa kini.

"Tambah pula jumlah import makanan haiwan telah berkembang dengan ketara kepada RM7.5 bilion pada 2014 daripada RM5.1 bilion pada 2010. Jumlah berkenaan semakin meningkat sebanyak 10 hingga 15 peratus pada 2015," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas melawat kilang makanan ternakan Charoen Pokhpand (CP) di Tanjung Langsat, Pasir Gudang, dekat sini hari ini.

Katanya, langkah mengurangkan kebergantungan itu

juga akan dapat menghadapi cabaran sukar pada masa depan seperti kejatuhan mata wang yang akan menjadikan harga makanan haiwan import semakin mahal selain kenaikan harga komoditi.

Sehubungan itu, katanya, pihaknya sedang berbincang dengan semua kerajaan negeri untuk mengenal pasti kawasan yang sesuai bagi penanaman jagung bagi menghasilkan bijirin dalam skala besar.

"Kita sedang mengenal pasti kawasan yang berpotensi untuk dibangunkan memandangkan banyak tanah-tanah terbiar di negara ini kerana penanaman jagung untuk bijirin ini memerlukan kawasan yang luas kira-kira 400,000 hektar," katanya.



AHMAD SHABERY CHEEK (dua dari kanan) diberi penerangan mengenai produk makanan ternakan sambil diperhatikan Presiden PK Agro Industrial Products, Pratan Jongpun (kanan) semasa melawat kilang makanan ternakan Charoen Pokhpand (CP) di Tanjung Langsat, Pasir Gudang, Johor, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI